



**KENYATAAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA DAN JAWATANKUASA AD HOC
SEMAKAN DAN KAJIAN PEMBAHARUAN
KANUN KESEKSAAN [AKTA 574], KANUN TATACARA JENAYAH
[AKTA 593] AND AKTA KETERANGAN [AKTA 56]**

KUALA LUMPUR, 24 Mac 2025 – Selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk memperkukuh dan memodenkan sistem perundangan jenayah di Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan dan Kajian Pembaharuan Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan Akta Keterangan [*Akta 56*] (“Jawatankuasa”).

Penubuhan Jawatankuasa ini adalah satu langkah strategik untuk memastikan sistem perundangan jenayah di Malaysia kekal relevan, berkesan dan berteraskan keadilan dalam menghadapi cabaran semasa, terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan teknologi dan perubahan sosial. Sistem keadilan jenayah yang kukuh dan sejajar dengan keperluan semasa amat penting dalam memastikan hak asasi individu terpelihara serta memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap sistem perundangan negara.

Jawatankuasa ini akan menjalankan kajian terperinci untuk mengenal pasti peruntukan dalam Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan yang lapuk atau tidak lagi sesuai dengan realiti semasa dan selanjutnya mencadangkan pembaharuan kepada undang-undang tersebut. Selain itu, Jawatankuasa ini turut akan mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang untuk meningkatkan kecekapan sistem keadilan jenayah bagi memastikan perbicaraan yang

adil dapat dijalankan. Kajian ini dijangka dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan melalui tiga fasa yang telah ditetapkan.

Bagi memperkukuh kajian ini, satu Jawatankuasa Ad Hoc turut dibentuk, terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang perundangan, penguatkuasaan, teknologi dan masyarakat sivil. Jawatankuasa Ad Hoc ini akan memberi input teknikal dan strategik dari semasa ke semasa untuk memastikan setiap cadangan adalah menyeluruh dan sejajar dengan keperluan semasa.

Pengerusi, Ahli-Ahli Jawatankuasa dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Ad Hoc yang telah dilantik oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) adalah seperti di **Lampiran A**.

Penubuhan Jawatankuasa dan Jawatankuasa Ad Hoc ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan sistem perundangan jenayah negara terus maju dan mampu menangani cabaran baharu. Hasil kajian dan cadangan yang bakal dikemukakan akan menjadi asas penting dalam memperkukuh prinsip kedaulatan undang-undang, meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan menjamin hak asasi individu dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Kerajaan MADANI percaya bahawa melalui pembaharuan yang holistik dan menyeluruh, sistem keadilan jenayah negara akan menjadi lebih responsif, adil dan berkesan dalam memenuhi keperluan masyarakat yang semakin berkembang.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
24 MAC 2025

Jawatankuasa Semakan dan Kajian Pembaharuan Kanun Keseksaan [Akta 574], Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Keterangan [Akta 56]

Pengerusi:

1. **Yang Arif Tan Sri Datuk Harmindar Singh Dhaliwal** (Hakim Mahkamah Persekutuan)

Timbalan Pengerusi

2. **Yang Arif Datuk Ravinthran N. Paramaguru** (Hakim Mahkamah Rayuan)

Ahli-Ahli Jawatankuasa:

3. **Yang Arif Datuk Mohamed Zaini bin Mazlan** (Hakim Mahkamah Rayuan)
4. **Yang Arif Datuk Noorin binti Badaruddin** (Hakim Mahkamah Rayuan)
5. **Yang Arif Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh** (Hakim Mahkamah Rayuan)
6. **YBhg. Dato' Edwin Paramjothy Michael Muniandy** (Pengarah Bahagian Penyelidikan, Pejabat Ketua Hakim Negara)
7. **YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo** (Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Penyelidikan), BHEUU JPM)
8. **YBrs. Tuan Thiyagu Ganesan** (Timbalan Ketua Pengarah (Reformasi Undang-Undang), BHEUU JPM)
9. **YBrs. Prof. Madya Dr. Ramalinggam Rajamanickam** (Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia)

10. **YBrs. Prof. Madya Dr. Rohaida binti Nordin** (Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia)
11. **YBrs. Dr. Haezreena Begum Abdul Hamid** (Pensyarah, Universiti Malaya)
12. **YBhg. Dato' Razali bin Che Ani** (Timbalan Ketua Bahagian I Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara)
13. **YBhg. Datuk Nazran bin Mohd Sham** (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara)
14. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal** (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia)
15. **YBhg. Datuk Mariati Robert** (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia)
16. **YBhg. Dato' Seri Ramachelvam Manimuthu** (Pengamal Undang-Undang, wakil Majlis Peguam Malaysia)
17. **YBrs. Tuan Ravi Chandran Subash Chandran** (Pengamal Undang-Undang, wakil Majlis Peguam Malaysia)
18. **YBrs. Tuan Boston Ho Teck Howe** (Pengamal Undang-Undang, wakil Persatuan Peguambela Sarawak)
19. **YBrs. Tuan Mohamed Zairi bin Zainal Abidin** (Pengamal Undang-Undang, wakil Persatuan Undang-Undang Sabah)
20. **YBrs. Tuan Steven Perian KC, FCI Arb** (Pengamal Undang-Undang)
21. **YBhg. Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu** (Pengamal Undang-Undang)
22. **YBhg. Dato' Haji Hanif Hassan** (Pengamal Undang-Undang)
23. **YBrs. Tuan Athimulan Muruthiah** (Pengamal Undang-Undang)
24. **YBrs. Tuan Amer Hamzah bin Arshad** (Pengamal Undang-Undang)
25. **YBhg. Datuk Tay Lee Ly** (Mantan Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang. Jabatan Peguam Negara)

Ahli-Ahli Jawatankuasa Ad Hoc:

1. **YBrs. Tuan Kitson Foong** (Pengamal Undang-Undang)
2. **YBrs. Tuan Fahri Azzat** (Pengamal Undang-Undang)
3. **YBrs. Tuan Srimurugan Alagan** (Pengamal Undang-Undang)
4. **YBrs. Tuan Vivekananda Sukumaran** (Pengamal Undang-Undang)
5. **YDh. ACP Dr. S. Parusuraman** (Penolong Pengarah, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, PDRM)
6. **YDh. DSP Saroja Egamparam** (Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM)
7. **YBrs. Tuan Darmain Segaran** (Pejabat AI Kebangsaan Malaysia (NAIO))
8. **YBrs. Ts. Mohd Zabri Adil bin Talib** (CyberSecurity Malaysia)
9. **YBrs. Tuan Nazri Ahmad Zamani** (CyberSecurity Malaysia)
10. **YBrs. Tuan Sevan Doraisamy** (Suara Rakyat Malaysia)
11. **YBrs. Tuan Jerald Joseph** (CSO Platform for Reforms)
12. **YBrs. Puan Gayatri Kandiah** (Tenaganita)

Sekretariat:

1. **YBrs. Tuan Mohammed Ali bin Imran** (Pegawai Tugas-Tugas Khas II Kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi))
2. **YBrs. Dr. Nur Faiza binti Iskak** (Ketua Penolong Pengarah, BHEUU JPM)
3. **YBrs. Tuan Kalaivaanan Murty** (Pegawai Undang-Undang, Sektor Reformasi Undang-Undang, BHEUU JPM)
4. **YBrs. Puan Aqmar Farzana Binti Nor Azizan** (Penolong Pengarah Kanan, BHEUU JPM)